

Indera Kayangan: BN guna kelemahan, kekuatan hadapi pilihan raya umum

UM 25 JAN 2002
KUALA LUMPUR 24 Jan. — Barisan Nasional (BN) akan menggunakan kelemahan dan kekuatan semasa pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan, Perlis sebagai pengajaran untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Pengerusinya, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kelemahan dan kekuatan itu telah dapat dikenal pasti berasaskan prestasi BN dan tindakan-tindakan yang telah diambil untuk menjayakan pilihan raya kecil 19 Januari lalu.

“Kelemahan dan kekuatan BN di Indera Kayangan ini akan menjadi pengajaran kepada parti,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini hari ini.

Pada pilihan raya kecil itu, calon BN, Ooi Ah Lan mengalahkan calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Khoo Yang Chong, dengan majoriti 2,592 undi iaitu lebih besar daripada yang dicatatkan pada pilihan raya umum 1999.

Perdana Menteri ketika mengulas keputusan pilihan raya kecil itu sebelum ini, pernah menganggapnya sebagai petanda baik bagi BN menghadapi pilihan raya.

Ditanya sama ada kenyataan tersebut membayangkan kemungkinan beliau mengadakan pilihan raya umum lebih awal, Dr. Mahathir yang menyedari perkara itu semanganya ditunggu-tunggu oleh pihak pembangkang berkata:

“Ya, anda boleh bagi tahu kat Pas, pilihan raya tidak lama lagi.”